



## GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisyp Diosis: The Rt. Rev. Datuk Melder Jiki Tais

Suffragan Bisypop: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin

Rektor: Ven. (E) Moses Chin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,  
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | [cclikas@gmail.com](mailto:cclikas@gmail.com)

## Pentakosta - 24 Mei 2026

### Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, yang pada hari Pentakosta telah mengutus Roh Kudus-Mu kepada rasul-rasul dengan tiupan angin dari syurga dan dalam nyala api, memenuhi mereka dengan sukacita dan keberanian untuk memberitakan Injil, utuskanlah kami keluar di dalam kuasa Roh itu untuk bersaksi kepada kebenaran-Mu dan untuk membawa semua orang kepada api kasih-Mu, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin

Injil - Yohanes 14:8-17

Bacaan Responsif - Kisah Para Rasul 2:1-11



Kisah Para Rasul 2:4 - Lalu mereka semua  
**DIPENUHI DENGAN ROH KUDUS**

“Yesus yang bangkit, penuhilah saya dengan  
Roh Kudus-Mu setiap hari.”

Kebaktian BM disiarkan secara langsung, 11:30 pagi.:

- YouTube: [https://www.youtube.com/  
@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

## 1. MINGGU PENTAKOSTA & PERAYAAN KESYUKURAN PENUAIAN


Hari ini adalah Minggu Pentakosta. Kita merayakan kedatangan Roh Kudus ke atas para murid Yesus, yang menjadi permulaan Gereja mula-mula.

Pada asalnya, Pentakosta juga merupakan perayaan penuaian sebagai ucapan syukur kepada Tuhan atas penyediaan-Nya. Kita mengucap syukur atas anugerah Roh Kudus dan juga atas berkat harian yang Tuhan sediakan.

Tuhan sungguh pemurah dan penuh kasih karunia.

- **Hari ini, jam 1:00 petang** - 'Pesta Penuaian'.

Jamuan makan tengah hari dengan hidangan tradisional, persembahan nyanyian dan tarian kebudayaan, serta tarian komuniti. Datanglah dengan pakaian tradisional budaya masing-masing.



## 2. REKTOR BERCUTI

Rektor kita sedang bercuti di Australia untuk urusan keluarga dan akan kembali bersama keluarganya pada hari Sabtu.

## 3. KONFERENSI gen-BREAK

- **CHI & ENG - 30 Mei-2 Jun; di Katedral All Saints.** Kira-kira 60 orang daripada gereja kita telah mendaftar untuk konferensi ini yang terdiri daripada muda-mudi, belia, dan dewasa. Pelbagai topik yang berkaitan dengan pertumbuhan pemuridan ditawarkan. Sila mendaftar. Untuk maklumat lanjut, layari: '<https://genbreak.life/>.
- **BM - 1-3 Jun; di Gereja St. Margaret Keningau.** Lebih 700 anak muda telah mendaftar, termasuk kira-kira 90 orang dari gereja kita. Marilah kita berdoa agar karya Roh Kudus yang besar berlaku dalam kehidupan mereka.



## 4. MENYOKONG PELAYANAN MISI

Sehingga kini, sebanyak RM8,150 telah dikumpulkan untuk Gereja Anglikan Rangsit. Gereja tersebut sedang mengumpul RM80,000 untuk membeli sebuah van gereja. Teruslah memberi menurut kemampuan dan pimpinan Tuhan.

#### 4. KELAS-KELAS PEMBAPTISAN DAN PENETAPAN

Kelas-kelas telah bermula mengikut ketetapan berikut:

- Bahasa Cina:
  - Sab & Ahd, 10:00 pg, di ARK
  - Rabu, 7:30 mlm
- Bahasa Inggeris, pejabat gereja:
  - Sel, 7:30 mlm
  - Jum, 7:30 mlm
  - Sab, 9:30 pg
- Bahasa Malaysia, pejabat gereja:
  - Ahd, 9:30 pg
  - Sab, 3:30 ptg
  - Sab, 7:00 mlm

Kelas-kelas ini membantu para calon untuk memahami iman Kristian dan menghidupi kehidupan sebagai seorang Kristian.

#### 6. PELAYANAN PUSAT JAGAAN HARIAN ARK

Isnin–Jumaat; 8:00 pg-5:00 ptg. Menyediakan 3 waktu makan, aktiviti individu dan berkumpulan, nyanyian, fisioterapi, serta mandian. Dikendalikan oleh staf yang terlatih dan berdedikasi. Untuk maklumat lanjut, hubungi: 016-818 9013.

#### 7. PELAYANAN LAINNYA

- 26-27 Mei - **Pejabat Gereja Ditutup.**
- 28 Mei - **Perjamuan Kudus Rumah.** Sila hubungi pejabat gereja.
- 6 Jun - Persekutuan **Evergreens**, Dewan Omega, 9:30 pg.
- 14 Jun - Christ Church Likas akan merayakan **ulang tahun ke-57.** Bishop Datuk Melter Tais akan beribadah bersama kita. Perincian lanjut menyusul.
- 21 Jun - Sambutan **Hari Bapa.** Disusuli **Hari Keluarga Ha-Ha** pada sebelah petang. Perincian lanjut menyusul.
- Setiap Ahad petang, **sukan & permainan** tersedia: pickleball, bola keranjang, bola sepak dan bola tampar. Bawa rakan-rakan anda.
- **Gubahan bunga** hari ini disumbangkan oleh Kwong & keluarga.

**UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN**

**RHB Bank | 2-10103-0001913-1**

**Christ Church Likas**

**Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>**



## 'YANG KUKEHENDAKI IALAH MENGENAL KRISTUS'

- Filipi 3:10

Bacaan Alkitab minggu ini	Is, Mei 25	Ibrani 3	Mz 131	Jum, Mei 29	Ibrani 7	Mz 135
	Sel, Mei 26	Ibrani 4	Mz 132	Sab, Mei 30	Ibrani 8	Mz 136
	Rab, Mei 27	Ibrani 5	Mz 133	Ahd, Mei 31	Ibrani 9	Mz 137
	Kha, Mei 28	Ibrani 6	Mz 134			

"MENGISYTIHARKAN KEMULIAAN ALLAH" – Kisah Para Rasul 2:1–11

Untuk renungan & perbincangan:

- apa yang anda fikir tentang "Roh Kudus"?
- Mengapa penting untuk menunggu dalam rancangan Tuhan, seperti yang dilakukan oleh murid-murid?
- Mengapa Tuhan membuat orang dari pelbagai bangsa mendengar dalam bahasa mereka sendiri? Apa yang ini tunjukkan tentang hati dan sifat Tuhan?
- Apa yang berlaku apabila seseorang dipenuhi Roh Kudus?
- Roh Kudus memampukan orang biasa untuk membawa orang lain kepada Tuhan. Bagaimana Roh Kudus boleh menolong anda berkongsi kasih Tuhan dengan orang lain? Berdoalah untuk satu sama lain.

### UNTUK DIDOAKAN

#### Malaysia yang Kita Kasih

- Berdoa agar ekonomi negara tetap stabil dan keperluan rakyat dicukupkan.

#### Diosis yang Kita Kasih

- Bersyukur atas 40 tahun kesetiaan Tuhan kepada Gereja Good Samaritan, sempena ulang tahun ke-40 pada hari ini. Berdoa agar gereja terus bertumbuh dalam iman dan pergantungan kepada-Nya.

#### Diri sendiri

- Berdoa agar Roh Kudus memenuhi dan memimpin hidup kita untuk hidup taat dan bersemangat melayani Tuhan.

- Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda .